

13/04/2001

TV3 stesen penyiar rasmi pameran Dinosaurs Alive

SISTEM Televisyen Malaysia Bhd (TV3) akan menjadi stesen penyiar rasmi pameran dinosaur terbesar Dinosaurs Alive yang akan berlangsung di The Summit, Subang Jaya bermula 5 Mei depan.

Sebagai penyiar rasmi, TV3 akan menghebahkan kepada orang ramai mengenai perkembangan dan kegiatan menarik sepanjang tempoh pameran berkenaan daripada 5 Mei hingga 5 Ogos, 2001.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan pameran pada 6 Mei.

Pengurus Besar Pemasaran TV3, Shareen Ooi, pelbagai program menarik dirancang sempena pameran itu termasuk menyiarkan siri dokumentari keluaran British Broadcasting Corporation (BBC) berjudul Walking With Dinosaurs.

Dokumentari enam siri itu akan mula disiarkan bulan 4 Jun ini, kata beliau dimajlis memeterai perjanjian penyiar rasmi berkenaan, di Subang Jaya, semalam antara TV3 dengan penganjur pameran, Meda Inc Bhd (Meda). Turut hadir Presiden Meda, Patrick Teoh dan Pengarah Eksekutif Technology MAE Sdn Bhd, Jared Chew.

Katanya lagi, personaliti antarabangsa yang terbabit dalam pameran akan turut diundang ke studio TV3 untuk ditemu ramah menerusi rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) yang disiarkan setiap 8 pagi hari Sabtu dan Ahad dan Bincang Petang (setiap hari jam 3 petang).

Majalah 3, program majalah yang disiarkan setiap Sabtu 9 malam, juga sedang sibuk menyiapkan program khas mengenai persiapan di tapak pameran, kata Ooi.

Lain-lain program seperti Melodi, Remaja dan Kids Entertainment juga akan menyiarkan program khas mengenai pameran itu yang dijangkakan akan menerima 700,000 pengunjung.

Tiket berharga RM12 dikenakan kepada orang dewasa dan RM8 untuk kanak-kanak untuk menyaksikan pameran itu.

(END)